



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

## KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

# DUNIA MUZIK

## TAHUN TIGA

2012



DOKUMEN STANDARD  
**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH  
(KSSR)**

*MODUL TERAS TEMA*

**DUNIA MUZIK**

**TAHUN 3**



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

Cetakan Pertama 2012

© Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

## KANDUNGAN

<b>RUKUNEGARA</b>	<b>v</b>
<b>FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN</b>	<b>vi</b>
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>vii</b>
<b>MATLAMAT</b>	<b>vii</b>
<b>OBJEKTIF DUNIA MUZIK</b>	<b>viii</b>
<b>FOKUS MATA PELAJARAN</b>	<b>viii</b>
<b>ORGANISASI KANDUNGAN</b>	<b>ix</b>

### **KURIKULUM DUNIA MUZIK TAHUN TIGA**

<b>Objektif Dunia Muzik Tahun Tiga</b>	<b>3</b>
<b>Modul 1 : Pengalaman Muzikal</b>	<b>4</b>
<b>Modul 2 : Penghasilan Muzik</b>	<b>10</b>
<b>Modul 3 : Apresiasi Muzik</b>	<b>11</b>
<b>Glosari</b>	<b>15</b>







## RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

# Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.



## PENDAHULUAN

Kurikulum Dunia Muzik merupakan program pembelajaran untuk tiga tahun persekolahan iaitu dari Tahun Satu hingga Tahun Tiga sekolah rendah (Tahap I). Kurikulum ini digubal dengan memberi tumpuan kepada perkembangan kognitif dan kemahiran murid dalam bidang muzik. Murid diberi pelbagai peluang untuk meluahkan idea muzikal kreatif di samping meningkatkan apresiasi terhadap estetika muzik. Bagi mencapai tujuan tersebut, kurikulum ini dibina dengan memberi tumpuan kepada tiga modul kurikulum iaitu Pengalaman Muzikal, Penghasilan Muzik dan Apresiasi Muzik. Dunia Muzik diajar dengan pendekatan bertema yang menitik beratkan elemen-elemen kreativiti. Tema-tema tersebut ialah Aku dan Muzik, Mulanya Di Sini dan Alunan Muzik Ku. Tema-tema ini dirancang sebagai *platform* awal kepada murid untuk mengenali dan menguasai kemahiran muzikal disamping pendedahan literasi muzikal melalui simbol dan ikon. Pada Tahun Tiga, murid akan diperkenalkan dengan permainan alat muzik rekorder untuk memperkaya kemahiran muzik mereka menerusi alat muzik berpic.

## MATLAMAT

Kurikulum Dunia Muzik bermatlamat untuk membina potensi diri murid ke arah melahirkan insan kreatif yang menghayati dan menikmati muzik secara intelektual menerusi aktiviti muzikal.

## OBJEKTIF DUNIA MUZIK

Kurikulum Dunia Muzik bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut;

- i. mengaplikasi pengetahuan dan kefahaman muzik menerusi aktiviti nyanyian, gerakan dan permainan alat muzik,
- ii. menghasilkan idea muzikal kreatif menerusi aktiviti nyanyian, gerakan dan bermain alat muzik,
- iii. menghargai pelbagai jenis muzik dengan menyatakan secara lisan dari aspek muzikal karya muzik yang didengar; dan
- iv. mengamalkan nilai murni menerusi aktiviti muzikal.

## FOKUS MATA PELAJARAN

Kurikulum Dunia Muzik dibina berasaskan tiga modul kurikulum dengan peratus pengagihan kandungan seperti berikut;

### **Modul Pengalaman Muzikal (70%)**

Murid memperoleh pengalaman muzikal menerusi aktiviti nyanyian, gerakan dan permainan alat muzik.

### **Modul Penghasilan Muzik (20%)**

Murid menzahirkan idea kreatif melalui aktiviti muzikal yang dialami semasa pengajaran dan pembelajaran.

### **Modul Apresiasi Muzik (10%)**

Murid menghayati dan menghargai pelbagai jenis muzik menerusi pendedahan muzik daripada pelbagai budaya.

## ORGANISASI KANDUNGAN

Dokumen ini disusun berasaskan tiga modul kurikulum berikut:

- i. Pengalaman Muzikal
- ii. Penghasilan Muzik
- iii. Apresiasi Muzik

Susunan modul kurikulum ini tidak mengikut hierarki tetap. Susunan ini bertujuan memudahkan kandungan kurikulum diorganisasikan. Setiap modul kurikulum dinyatakan dalam dua lajur utama iaitu Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Lajur Standard Kandungan mengandungi ilmu pengetahuan yang perlu dipelajari oleh murid. Lajur Standard Pembelajaran menunjukkan kemahiran yang perlu dikuasai murid bagi satu tahun persekolahan.

## PENTAKSIRAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pengajaran dan pembelajaran perlu dinilai keberkesanannya melalui aktiviti pentaksiran. Pencapaian pelajar ditaksir untuk mengetahui kadar penerimaan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran muzik yang diajar. Perkara ini memerlukan aktiviti pentaksiran yang dilakukan semasa atau di penghujung aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Petunjuk pencapaian pelajar haruslah dengan eviden yang dapat menyatakan tahap pencapaian pelajar dengan jelas dan memberi guru landasan yang kukuh untuk melanjutkan aktiviti pembelajaran pada tahap yang lebih tinggi.

Contoh pentaksiran yang boleh dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran ialah, pentaksiran untuk menilai keupayaan murid memahami konsep tempo cepat dan lambat atau pic tinggi dan rendah. Guru boleh mentaksir menerusi pemerhatian semasa murid membuat aktiviti pergerakan mengikut muzik. Dalam situasi yang memerlukan murid mengingat kembali perkara yang telah mereka pelajari

sepanjang aktiviti pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran dalam konteks ini boleh dijalankan diujung pengajaran. Oleh yang demikian guru hendaklah merancang aktiviti penilaian dengan teliti bagi memastikan pentaksiran yang relevan dan menepati tujuan.



**KURIKULUM DUNIA MUZIK  
TAHUN TIGA**



## OBJEKTIF DUNIA MUZIK TAHUN TIGA

Kurikulum Dunia Muzik Tahun Tiga bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut;

- i. menyanyi lagu dengan ton suara dan dinamik yang sesuai serta pic, sebutan, postur dan pernafasan yang betul mengikut tempo,
- ii. memainkan perkusi dengan dinamik yang sesuai mengikut tempo,
- iii. memberi respon terhadap muzik yang didengar menerusi pergerakan berdasarkan dinamik, pic, tempo, bunyi panjang dan pendek, mud serta lirik,
- iv. memainkan rekorder dengan teknik yang betul berdasarkan skor,
- v. menghasilkan pelbagai bunyi, corak irama dan melodi menerusi aktiviti muzikal,
- vi. mengenal pasti jenis alat muzik daripada muzik yang didengar,
- vii. mengenal pasti mud, tempo, tekstur dan dinamik daripada muzik yang didengar; dan
- viii. mengamalkan nilai murni menerusi aktiviti muzikal.

## KURIKULUM DUNIA MUZIK TAHUN TIGA

### MODUL 1 : PENGALAMAN MUZIKAL

Murid menyanyi lagu dengan ton suara dan dinamik yang sesuai serta pic, sebutan, postur dan pernafasan yang betul mengikut tempo.

Murid memainkan perkusi dengan dinamik yang sesuai mengikut tempo.

Murid memberi respon terhadap muzik yang didengar menerusi pergerakan berdasarkan dinamik, pic, tempo, bunyi panjang dan pendek, mud serta lirik.

Murid memainkan rekorder dengan penjarian, postur, pernafasan, perlidahan dan *embouchure* yang betul mengikut tempo.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
1.1 Menyanyi pelbagai repertoir secara solo atau berkumpulan.	1.1.1 Mendemontrasi warna ton bunyi . <ul style="list-style-type: none"><li>- alam semula jadi</li><li>- haiwan</li><li>- aktiviti harian</li><li>- kenderaan</li></ul>



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
	<p>1.1.2 Menyanyi dengan postur dan pernafasan yang betul.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- postur duduk</li> <li>- postur berdiri</li> <li>- pengambilan nafas</li> <li>- pengeluaran nafas</li> </ul>
	<p>1.1.3 Menyanyi solfa do , re , mi.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- menyanyi solfa dalam pelbagai corak irama</li> </ul>
	<p>1.1.4 Menyanyi mengikut tempo.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- cepat</li> <li>- lambat</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
	<p>1.1.5 Mengaplikasi dinamik dalam nyanyian.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- lembut (<i>p</i>)</li> <li>- kuat (<i>f</i>)</li> </ul> <p>1.1.6 Menyanyi dengan sebutan huruf vokal a , e , o , i , u.</p>
<p>1.2 Memainkan perkusi secara solo atau berkumpul daripada pelbagai repertoir.</p>	<p>1.2.1 Memainkan perkusi mengikut corak irama melodi.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- postur</li> <li>- cara memainkan</li> </ul> <p>1.2.2 Memainkan perkusi mengikut tempo.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- cepat</li> <li>- lambat</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
	<p>1.2.3 Mengaplikasi dinamik dalam permainan perkusi.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- lembut (<i>p</i>)</li> <li>- kuat (<i>f</i>)</li> </ul>
<p>1.3 Membuat pergerakan mengikut muzik.</p>	<p>1.3.1 Membuat pergerakan mengikut aras dan arah berdasarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- dinamik kuat/lembut</li> <li>- pic tinggi/rendah</li> <li>- tempo cepat/lambat</li> <li>- bunyi panjang/pendek</li> </ul>
	<p>1.3.2 Membuat pergerakan berdasarkan lirik dan mud muzik.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- lagu aksi (<i>action song</i>)</li> <li>- permainan nyanyian (<i>singing games</i>)</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
1.4 Memainkan rekorder secara ensemblel.	1.4.1 Mengetahui rekorder. <ul style="list-style-type: none"> <li>- bagian rekoder</li> <li>- cara menjaga rekorder</li> <li>- cara memegang rekoder</li> </ul>
	1.4.2 Memainkan not B , A dan G dengan ton yang baik. <div style="text-align: center; margin: 10px 0;"> <p style="margin: 0;">B      A      G</p> </div> <ul style="list-style-type: none"> <li>- penjarian not B , A dan G</li> <li>- pernafasan</li> <li>- perlidahan (dengan sebutan 'tu')</li> <li>- <i>embouchure</i></li> <li>- postur</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
	<p>1.4.3 Memainkan rekoder berdasarkan skor.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- memainkan frasa lagu</li> <li>- memainkan melodi kaunter</li> <li>- memainkan melodi</li> </ul>
	<p>1.4.4 Memainkan rekoder mengikut tempo.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- cepat</li> <li>- lambat</li> </ul>
	<p>1.4.5 Mengaplikasikan dinamik dalam permainan rekoder.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- lembut (<i>p</i>)</li> <li>- kuat (<i>f</i>)</li> </ul>

## MODUL 2 : PENGHASILAN MUZIK

Murid menghasilkan pelbagai bunyi, corak irama dan melodi menerusi aktiviti muzikal.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
2.1 Menghasilkan idea muzikal kreatif.	2.1.1 Menghasilkan pelbagai bunyi menggunakan bahan improvisasi.  Contoh bahan improvisasi: - tempurung, botol plastik, pensel, pembaris dan sudu
	2.1.2 Mencipta corak irama mudah menggunakan ikon.
	2.1.3 Mencipta dan menyanyikan melodi mudah. - mengajuk melodi - mengimprovisasi 'jawapan' kepada 'soalan' melodi yang diberikan

## MODUL 3 : APRESIASI MUZIK

Murid mengenal pasti jenis alat muzik daripada muzik yang didengar.

Murid mengenal pasti mud, tempo, tekstur dan dinamik daripada muzik yang didengar.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>3.1 Menghayati muzik daripada pelbagai repertoir.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Muzik Popular</li><li>- Muzik Tradisional Malaysia</li><li>- Muzik Klasik Barat</li><li>- Muzik Asia</li></ul>	<p>3.1.1 Mengenal pasti jenis alat muzik daripada muzik yang didengar.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- alat bertali</li><li>- alat perkusi</li><li>- alat tiupan</li></ul>
	<p>3.1.2 Mengenal pasti mud, tempo, tekstur dan dinamik daripada muzik yang didengar.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- mud (riang, sedih, marah dan takut)</li><li>- tempo (cepat - lambat)</li><li>- tekstur (solo - nipis dan kumpulan - tebal)</li><li>- dinamik (kuat - lembut)</li></ul>





# **GLOSARI**



## GLOSARI KURIKULUM DUNIA MUZIK SEKOLAH RENDAH TAHUN TIGA

PERKATAAN	PENERANGAN									
<p><b>Dinamik</b> (<i>Dynamic</i>)</p>	<p>Perubahan bunyi sama ada kuat atau lembut dalam persembahan muzik. Antara istilah yang digunakan ialah :</p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Istilah</th> <th style="text-align: center;">Simbol</th> <th style="text-align: center;">Makna</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;"><i>Piano</i></td> <td style="text-align: center;"><i>p</i></td> <td style="text-align: center;">Bunyi lembut</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><i>Forte</i></td> <td style="text-align: center;"><i>f</i></td> <td style="text-align: center;">Bunyi kuat</td> </tr> </tbody> </table>	Istilah	Simbol	Makna	<i>Piano</i>	<i>p</i>	Bunyi lembut	<i>Forte</i>	<i>f</i>	Bunyi kuat
Istilah	Simbol	Makna								
<i>Piano</i>	<i>p</i>	Bunyi lembut								
<i>Forte</i>	<i>f</i>	Bunyi kuat								
<p><b>Lagu aksi</b> (<i>Action song</i>)</p>	<p>Lagu yang dipersembahkan dengan pergerakan.</p>									
<p><b>Melodi</b> (<i>Melody</i>)</p>	<p>Melodi ialah susunan pic secara melintang dan berkontur.</p> <p>Contoh Melodi:</p> 									

PERKATAAN	PENERANGAN
<b>Mud</b> ( <i>Mood</i> )	Ekspresi yang menunjukkan perasaan. Contoh: mud riang atau mud sedih.
<b>Muzik Asia</b> ( <i>Asian Music</i> )	Muzik yang berasal dari negara Asia seperti contoh di bawah: a. Ghazal dari Malaysia b. Gamelan Bali dari Indonesia.
<b>Muzik Instrumental</b> ( <i>Instrumental Music</i> )	Muzik yang dihasilkan untuk satu atau lebih alat muzik tanpa vokal. Muzik instrumental boleh dipersembahkan secara solo, duet, ensembel muzik, muzik kamar atau orkestra.
<b>Muzik Klasik Barat</b> ( <i>Western Classical Music</i> )	Muzik klasik yang berasal dari negara Barat. Contoh: <i>Symphony No.5</i> oleh Beethoven.
<b>Muzik Popular</b> ( <i>Popular Music</i> )	Muzik semasa yang dikenali ramai.
<b>Muzik Tradisional Malaysia</b> ( <i>Malaysian Traditional Music</i> )	Muzik yang beridentitikan masyarakat Melayu di Malaysia. Contoh: kompang, rebana ubi, wayang kulit, dan dikir barat.

PERKATAAN	PENERANGAN
<b>Muzik Vokal</b> ( <i>Vocal Music</i> )	Muzik yang mengandungi nyanyian.
<b>Perlidahan</b> ( <i>Tongue In</i> )	Teknik tiupan menggunakan lidah untuk mengawal penghasilan ton bagi alat-alat tiupan.
<b>Permainan Nyanyian</b> ( <i>Singing Games</i> )	Lagu khusus untuk permainan tertentu. Contoh : Lagu “Nenek Si Bongkok Tiga”
<b>Pic</b> ( <i>Pitch</i> )	Bunyi tinggi, rendah dan sederhana.
<b>Postur</b> ( <i>Posture</i> )	Kedudukan atau posisi tubuh badan yang betul semasa menyanyi atau bermain alat muzik.
<b>Repertoir</b> ( <i>Repertoire</i> )	Koleksi lagu.
<b>Teknik konvensional</b>	Teknik yang standard untuk bermain sesuatu alat muzik.
<b>Tempo</b> ( <i>Tempo</i> )	Kelajuan sesuatu karya muzik. Contoh: Tempo cepat atau lambat.

PERKATAAN	PENERANGAN
<p><b>Tekstur</b> (<i>Texture</i>)</p> <p><b>Warna ton</b> (<i>Tone Colour</i>)</p>	<p>Lapisan suara atau bunyi alat muzik dalam sesuatu karya muzik.</p> <p>Kualiti sesuatu bunyi yang dihasilkan.</p> <p>Contoh: Warna ton suara lelaki berbeza dengan warna ton suara perempuan.</p>



Terbitan:



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
Aras 4-8, Blok E9  
Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
Tel: 03-8884 2000 Faks: 03-8888 9917  
<http://www.moe.gov.my/bpk>